



جباتن كحاكيمن شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH / KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Aras 2,3 & 4, Blok D7, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62677 PUTRAJAYA

Tel : 03-8886 4800

8886 4888

Faks : 03-8889 1621

email : ibrahim@esyariah.gov.my

Laman Web : www.jksm.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.BPKR/100-5/5/2 Jld. 3 (6)

Tarikh : 18 Muharram 1433H/
14 Disember 2011M

**Y.A.A Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah
Negeri-negeri.**

ARAHAN AMALAN NO. 5 TAHUN 2011


Amalan Mengenai Penangguhan Kes Oleh Peguam Syarie

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahkan Amalan Mahkamah Syariah Bil. 1 Tahun 2011 pada 12 Muharram 1433H bersamaan 7hb Disember 2011 telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai tatacara merekod dan melaporkan amalan penangguhan kes oleh Peguam Syarie seperti berikut :-

1. Ketika mengendalikan sebutan, pengurusan kes perbicaraan sesuatu kes mal, semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah dan Pendaftar (dalam sebutan pengurusan kes) hendaklah merekodkan tarikh, masa, no. kes, nama peguam serta firma peguam yang “**terlalu kerap**” memohon penangguhan kes-kes yang dikendalikannya dan melaporkannya kepada Pengerusi Jawatankuasa Peguam Syarie Negeri masing-masing menggunakan “Borang Laporan Kepada Pengerusi Jawatankuasa Peguam Syarie Negeri” sebagaimana dalam lampiran untuk tindakan.
2. Dalam konteks arahan ini maksud perkataan “terlalu kerap” adalah apabila seseorang peguam yang sama memohon penangguhan kes sama ada dalam sesuatu kes tertentu atau pun kes yang berlainan menggunakan alasan yang tidak munasabah yang melebihi 3 kali.
3. Semua Hakim dan Pendaftar hendaklah mengamalkan kuasa budi bicara masing-masing (power of descretion) dengan bijaksana dalam menimbangkan permohonan sesuatu penangguhan oleh peguam agar tidak menjejaskan kepentingan pihak-pihak yang terlibat dalam perbicaraan.

4. Borang laporan tersebut yang telah lengkap diisi dan ditandatangani hendaklah diserahkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Peguam Syarie Negeri masing-masing dan satu salinan kepada Ketua Pendaftar, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai 7 Disember 2011.



(Tan Sri Ibrahim Lembut)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
PUTRAJAYA

**BORANG LAPORAN
KEPADA
PENGERUSI JAWATANKUASA PEGUAM SYARIE NEGERI
BERKAITAN ARAHAN AMALAN NO. 5 TAHUN 2011
MENGENAI PENANGGUHAN KES OLEH PEGUAM.**

Kepada,

**Pengerusi,
Jawatankuasa Peguam Syarie Negeri**

Nama Pelapor	
Jawatan	
No. Kes terlibat	
Nama Peguam	
Nama Firma Guaman	
No. Kes Lain (Jika berkaitan)	

Berikut adalah aduan saya berkenaan peguam di atas berkaitan permohonan tangguhan kes yang telah dipohon, ditimbangkan dan diputuskan oleh saya.

Bil.	Tarikh Tangguhan Dipohon	Alasan
1		
2		
3		
4		
5		

Ulasan Pengadu:

.....
Tandatangan Pengadu
(Cop Rasmi Pengadu)

.....
Tarikh